

# Dr M kecewa dituduh tidak tegas perangi rasuah

BH - 31/5/2005

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad semalam menyifatkan satu tulisan dalam akhbar *The Star* kelmarin kononnya beliau tidak berusaha untuk menghapuskan rasuah ketika menjadi Perdana Menteri sebagai cubaan untuk menghalangnya daripada bercakap mengenai gejala itu.

"Saya fikir ini satu cara nak tutup mulut saya, tetapi saya bercakap kerana orang tanya. Jika tidak mahu saya jawab, jangan tanya. Kalau tidak mahu saya bercakap langsung mengenai rasuah, saya tidak akan cakap lagilah...nak buat apa.

"Saya buat macam-macam (ketika menjadi Perdana Menteri) tetapi saya tak nak ceritalah apa yang dibuat. Tidak adillah kalau nak kata saya tak buat apa-apa," katanya pada sidang akhbar di kediamannya di Seri Kembangan semalam berhubung tulisan editor kanan *The Star*, Datuk Wong Chun Wai, yang disiarkan akhbar itu kelmarin.

Rabu lalu, dalam sesi dialog dengan peserta satu majlis ceramah di Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya, bekas Perdana Menteri itu berkata, amalan rasuah yang dulu dilakukan secara sembunyi kini dibuat secara terang-terangan dan begitu pantas menjadi budaya dalam Umno.

Dalam ruangan mingguannya kelmarin, Wong antara lain berkata: "Memang baik sekali Dr Mahathir bangkit dengan keras menentang rasuah tetapi secara peribadi, saya rasa beliau sepatutnya melakukan lebih daripada itu ketika beliau menjadi Perdana Menteri lebih daripada 20 tahun, seperti menjalankan kempen antirasuah untuk mewujudkan kesedaran mengenai ke-

san rasuah yang melemahkan."

"Dengan kepemimpinannya yang kuat, kuasa dan pengaruhnya dalam Umno, beliau melepaskan peluang untuk membawa pembaharuan termasuk penguatkuasaan undang-undang yang efektif menentang rasuah."

Dr Mahathir yang kecewa dengan tulisan itu berkata, pandangan sedemikian seolah-olah menuduh beliau tidak berbuat apa-apa terhadap rasuah ketika menjadi Perdana Menteri.

Katanya, beliau pernah sehingga menangis secara terbuka dan membaca doa macam-macam, meminta (orang) supaya jangan terbabit dengan rasuah sebab ini soal nilai hidup yang mulia.

"Ini bukan soal tangkap. Kita boleh tangkap tetapi berapa banyak kita boleh tangkap dan buktikan dalam mahkamah cuma dua tiga kes.

"Apa yang saya tekankan ialah mengenai budaya orang. Kita patut tolak sebab benda itu tidak baik bukan kerana ada polis di belakang kita kerana kita tahu benda itu tak baik," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan, dalam sesi soal jawab itu, beliau bukan bercakap mengenai tindakan kerajaan terhadap rasuah kerana rasuah cukup susah hendak dibuktikan kecuali ada orang yang mengemukakan bukti.

Katanya, keengganan pihak tertentu menampilkan bukti sebagai sokongan adalah antara faktor yang menyukarkan usahanya mengekang dan menghapuskan rasuah ketika memimpin kerajaan dulu.

Keadaan sama turut berlaku dalam Umno apabila kesahihan dakwaan berhubung gejala politik wang



Dr Mahathir Mohamad

di kalangan pemimpin dan ahli pelbagai peringkat tidak dapat ditentukan berikutan ketiadaan bukti.

"Kerajaan susah nak bertindak tanpa bukti dan dalam Umno pun sukar untuk dibuktikan kerana semua pihak akan menafikan mereka memberi atau menerima rasuah.

Saya tekankan rakyat perlu menolak rasuah kerana ia tidak baik dan tidak wajar dibiarkan menjadi sebahagian daripada budaya kehidupan.

"Jika itu berlaku, maka sukarlah kita untuk melakukan apa pun kerana rasuah akan menghancurkan

masyarakat dan negara," katanya.

Mengenai dakwaan wujud ketidakadilan dari segi pemberian permit import (AP), Dr Mahathir mencadangkan senarai mereka yang mendapat AP disiarkan kepada umum supaya wujud ketelusan dan memadamkan segala persoalan serta tuduhan yang timbul.

Katanya, ini termasuk dakwaan ada kereta import diisytihar pada harga rendah ketika tiba di pelabuhan masuk ke negara ini, iaitu sekitar RM11,000 sedangkan nilai sebenarnya jauh lebih tinggi.

Beliau yang juga Penasihat Proton turut mempertahankan mutu kereta nasional itu hingga mencatat jualan memberangsangkan di luar negara seperti England dan Australia yang amat mementingkan mutu produk sebelum diterima untuk jualan.

Ditanya sama ada isu AP akan menjejaskan jualan Proton, Dr Mahathir berkata, amalan timbal balas (quid pro quo) perlu dilaksanakan dalam aspek pengeksporan dan pengimportan kenderaan di negara supaya ia tidak menguntungkan satu pihak saja.

"Malaysia agak liberal kerana kita masih menerima kemasukan kenderaan dari negara yang tidak membenarkan Proton menembusi pasaran negaranya. Sebagai penasihat, saya perlu melindungi kepentingan Proton dan mempertahankannya.

"Dulu kita jual Proton di luar negara pada harga lebih murah bagi menembusi pasaran tetapi itu strategi jangka pendek dan tidak boleh dilakukan terus menerus kerana kita akan rugi sepanjang masa. Kalau rugi di luar negara, rugi juga di Malaysia... susahlah," katanya.